

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**KARNIVAL PROGRAM PENINGKATAN
PENDAPATAN (PPP),
SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT
(SPKR)
KE ARAH MENANGANI KOS SARA HIDUP
PARLIMEN BERA TAHUN 2016**

DATARAN KERAYONG, BERA

15 MEI 2016 (AHAD)

WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Terima kasih pengacara majlis

(Salutasi di atas rostrum)

Dif-dif jemputan, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, wakil-wakil media;

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi;

Mukadimah

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, pada hari ini saya berasa amat bertuah kerana dapat bersama-sama hadir dalam Karnival Program Peningkatan Pendapatan (PPP) SPKR ke Arah Menangani Kos Sara Hidup Parlimen Bera Tahun 2016. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas jemputan yang diberikan dan tahniah serta syabas kepada semua penerima bantuan pada hari ini yang merupakan kumpulan sasar yang terpilih pada tahun 2016.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha gigih FELCRA Berhad, Giatmara Malaysia, JAKOA, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang, Pejabat Daerah, Pejabat UMNO Parlimen Bera serta agensi-agensi lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan program ini bertepatan dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar dalam menangani kos sara hidup yang tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati;

3. Untuk makluman semua, sejumlah **RM2.4juta** telah diperuntukkan kepada Negeri Pahang khususnya di bawah Bantuan Ekonomi Skim Pembangunan Kesejahteraan

Rakyat (SPKR) dengan unjuran penerima bantuan seramai **310 orang** di seluruh Negeri Pahang melalui Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Amanah Saham Bumiputera (ASB) Sejahtera dan Wang Dividen Projek Ternakan Lembu SPKR.

4. Bagi pelaksanaan program peningkatan pendapatan, Kementerian ini telah menyalurkan geran bernilai RM1.95 Juta dengan peruntukan sebanyak RM10 Ribu seorang melalui bantuan projek-projek berikut:

i) Bagi projek Usahawan Bergerak (*Mobilepreneur*), penerima diberi bantuan berbentuk sebuah motorsikal yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian perniagaan yang dijalankan serta *tool kit* yang bernilai RM10,000 manakala Projek Perbidanan Melayu Moden (*Post Natal*) pula, penerima telah pun diberi kursus yang mendalam mengenai urutan perbidanan dan spa dan peralatan bagi perniagaan urutan post-natal dan spa juga bernilai RM10,000 seorang. Ia merupakan satu konsep baru yang diperkenalkan untuk membantu Usahawan kecil Luar Bandar untuk menjalankan perniagaan atau perkhidmatan tanpa memerlukan modal yang besar untuk membuka premis perniagaan.

ii) Bagi bantuan PPP kepada masyarakat orang asli pula, pihak kementerian dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengenalpasti keperluan bantuan mengikut skop yang sesuai seperti bekalan Bot, Enjin Bot dan lain-lain.

5. Selain dari projek individu bagi Program Peningkatan Pendapatan PPP, salah satu projek yang berjaya di bawah Projek PPP, SPKR adalah projek berkelompok ternakan lembu yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad selaku agensi pelaksana. Ini merupakan salah satu projek kementerian yang dilaksanakan mulai tahun 2002 sehingga sekarang yang bertujuan memberi tambahan pendapatan kepada golongan miskin atau miskin tegar di luar bandar melalui pemberian dividen tahunan berjumlah RM600 kepada setiap penerima hasil daripada penjualan lembu-lembu yang ditenak di lapan (8) estet milik Felcra Behad di seluruh Negara.

6. Melalui Program ASB Sejahtera pula, ia merupakan antara usaha murni kerajaan dalam membantu golongan sasaran iaitu miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah (B40) di mana setiap peserta disediakan peruntukkan kewangan sebanyak RM5000 untuk dilaburkan bagi perolehan saham ASB. Peruntukan ini ditagan (tagging) atas nama peserta tersebut tetapi pelaburan pokok itu tidak akan menjadi milik peserta tetapi terus menjadi hak milik kerajaan, walau bagaimanapun, peserta akan dapat menikmati dividen daripada peruntukan RM5,000 setiap tahun sepanjang jangka hayat peserta. Ini bertujuan menggalakkan golongan miskin dan miskin tegar untuk melabur di dalam pasaran saham yang dijamin kerajaan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Pada masa sekarang ini, pelbagai penekanan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi menyuntik semangat baharu di kalangan golongan muda melalui pelaksanaan program-program yang lebih bersifat mendekati dan memahami kehendak golongan belia dengan satu tujuan untuk melahirkan lebih ramai golongan belia yang dapat meneruskan legasi Malaysia bagi mencapai visi dan misi Wawasan 2020. Oleh sebab itulah, golongan belia telah dikenalpasti sebagai agen pemangkin kepada transformasi negara. Memandangkan kemiskinan adalah isu kompleks yang perlu ditangani secara bersepadu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua pihak agar sama-sama mengambil tanggungjawab merealisasikan harapan kerajaan ini. Pihak kementerian ingin melihat kejayaan tuan-puan meningkatkan pendapatan keluarga seterusnya terkeluar daripada kelompok kemiskinan.

8. Pemimpin-pemimpin masyarakat khususnya perlu memberi sepenuh tumpuan dalam memastikan rakyat di bawah seliaan masing-masing mendapat pembelaan sewajarnya daripada kerajaan terutama saluran-saluran kerajaan sedia ada perlu dimanfaatkan sepenuhnya agar bantuan dan pertolongan kerajaan dapat disampaikan terus kepada mereka yang berhak menerimanya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Akhir kata, diharapkan melalui bantuan yang diberikan ini ianya dapat membantu golongan sasar menjana tambahan peningkatan pendapatan khususnya kepada masyarakat luar bandar dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masing-masing ke arah menangani kos sara hidup yang tinggi.

10. Oleh yang demikian, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Karnival Program Peningkatan Pendapatan (PPP) SPKR ke Arah Menangani Kos Sara Hidup Parlimen Bera Tahun 2016.

Sekian, terima kasih.